



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (09 JULAI 2021)**

### **PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) BAGI SARAWAK**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Sarawak telah membuat penilaian terperinci kesan-kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak serta mendengar keluhan rakyat yang terkesan akibat pandemik ini.

Sehubungan itu, Kerajaan Sarawak bersetuju untuk melaksanakan peralihan fasa PPN mengikut pencapaian nilai ambang indikator yang telah ditetapkan dan **tidak lagi menggunakan kaedah yang sebelum ini, yang mempunyai tarikh pengisytiharan dan penamatkan PKP.**

Pelan Pemulihan Negara (PPN) merupakan satu strategi peralihan keluar secara berfasa dari kemelut pandemik COVID-19. PPN ini memberi isyarat yang jelas apa yang telah dirancang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membawa Sarawak keluar dari kemelut pandemik ini.

Pelan ini merupakan satu panduan yang dirangka berdasarkan data dan sains, merangkumi empat fasa. Peralihan fasa secara berperingkat bergantung kepada **nilai ambang** ataupun "**threshold**" **tiga indikator utama** iaitu:

- I. Pertamanya, keadaan penularan COVID-19 dalam komuniti berdasarkan bilangan kes jangkitan harian,
- II. Kedua, kadar penggunaan katil di wad ICU dan
- III. Ketiga, peratusan populasi Sarawak yang telah lengkap menerima dua dos suntikan vaksin.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Sarawak (JPBS) sedang meneliti dan memperincikan nilai ambang bagi ketiga-tiga indikator berkenaan bagi membolehkan peralihan bahagian-bahagian di Sarawak dari satu fasa ke fasa berikutnya, serta kedudukan semasa setiap bahagian dan daerah berdasarkan nilai ambang yang ditetapkan. Pengumuman hasil kajian tersebut akan dibuat dalam masa terdekat.

Kemelut pandemik COVID-19 masih panjang dan paling utama memerlukan kerjasama serta sokongan dari semua pihak.

Oleh itu, masyarakat perlu memberikan kerjasama dan mengambil tanggungjawab sosial serta memainkan peranan masing-masing untuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Saya bagi pihak YAB Datuk Patinggi Abang Abdul Rahman Johari bin Tun Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para petugas barisan hadapan dan anda semua atas usaha dan pengorbanan dalam memerangi wabak COVID-19 di Sarawak.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**

**Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**09 JULAI 2021**

**5.00 PETANG**